

14/02/2003

Pas tidak halang ahli jihad di Iraq

KOTA BHARU: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas tidak akan menyuruh atau menghalang ahlinya menyertai jihad di Iraq sekiranya negara itu diserang Amerika Syarikat.

Beliau berkata, pengertian jihad dalam Islam bukan bermakna seseorang itu perlu mengangkat senjata menyertai perang tetapi turut merangkumi bantuan dari segi kewangan, harta benda atau sekadar berdoa supaya musuh Islam dihancurkan.

"Kalau ada rakyat negara ini yang nak pergi, itu dia punya pasal tetapi jihad ini maknanya bekerja keras dan kita boleh bantu sama ada dengan kasi (memberi) duit, teknikal, pengalaman atau tubuh badan.

"Mengenai ahli Pas, kita tidak sekat (menyertai perang di Iraq) tapi kalau nak kita suruh mereka ke sana tu, tak adalah... saya tak suruh pergi," katanya ketika ditemui di kediamannya di Pulau Melaka, di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain menyifatkan saranan sesetengah pihak supaya umat Islam berjihad mempertahankan Iraq sebagai cadangan bodoh kerana peperangan memerlukan strategi, kekuatan dan kemungkinan untuk menang.

Nik Abdul Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, umat Islam mempunyai kewajipan bagi menentang musuh yang mencerobohi mana-mana negara Islam, tetapi perlu dilakukan berdasarkan kemampuan.

"Soal sama ada perlu ke negara berkenaan atau tidak, bergantung kepada keadaan... kalau berasa boleh, pergilah tetapi kalau sebaliknya, memadai dikirim bantuan dalam bentuk lain," katanya.